Bahagian A
[20 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Siapakah pemimpin British yang mencadangkan pembentukan Malaysia?
Unit 1, m.s. 5 ARAS: R
A Lord Brassey
B Humphrey Gilbert
C Sir John Hawkins
D Harun Aminurrashid

2. Apakah faktor pembentukan Malaysia?
Unit 1, m.s. 6-7 ARAS: S
I Mempercepat kemerdekaan
II Membangunkan sosioekonomi
III Mengeratkan hubungan dengan negara luar
IV Menjamin kelangsungan kewangan negara
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Satu suruhanjaya telah dibentuk untuk mendapatkan reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia. Apakah suruhanjaya tersebut?
Unit 1, m.s. 8 ARAS: R
A Suruhanjaya Reid
B Suruhanjaya Khas
C Suruhanjaya Cobbold
D Suruhanjaya Pelantikan

4. Pada tahun 1963 hingga 1966, Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia.
Mengapakah keadaan sedemikian berlaku?
Unit 1, m.s. 16 ARAS: S
A Indonesia tidak mahu bekerjasama dengan Filipina
B Pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya
C Konfrontasi daripada rakyat Indonesia terhadap kerajaannya
D Penolakan rancangan pembentukan yang melibatkan Sarawak

5. Berikut merupakan nama bagi sebuah negeri. Unit 2, m.s. 22 ARAS: R

Pulo Ka Satu

Apakah negeri di Malaysia yang mempunyai nama asal seperti di atas?
A Sarawak
B Terengganu
C Pulau Pinang
D Negeri Sembilan

6. Apakah gelaran yang digunakan oleh ketua negeri bagi negeri Pulau Pinang?
Unit 2, m.s. 26 ARAS: R
A Raja
B Sultan
C Yang di-Pertuan Besar
D Yang di-Pertua Negeri

7. Setiap negeri mempunyai lagu negeri masing-masing.
Apakah lagu bagi negeri Kedah?
Unit 2, m.s. 29 ARAS: S
A Sultan
B Selamat Sultan
C Allah Selamatkan Sultan Kami
D Allah Selamatkan Sultan Mahkota

8. Bilakah Rukun Negara diisytiharkan?
Unit 3, m.s. 36 ARAS: R
A 31 Ogos 1957
B 31 Ogos 1960
C 31 Ogos 1970
D 31 Ogos 1975

9. Berikut merupakan prinsip Rukun Negara.
Unit 3, m.s. 38 ARAS: R

Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Prinsip di atas merupakan prinsip yang ke berapa?
A 2
B 3
C 4
D 5

[Lihat halaman sebelah

LIVEWORKSHEETS
Versi Demo